



جورنال التراث
AL-TURATH
Journal of al-Quran and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH


VOLUME 7 ISSUE 2 2022

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

Homepage: <https://www.ukm.my/turath/volume-7-no-2-2022/>




Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



Received: 12 May 2022; Accepted: 01 October 2022; Published: 01 December 2022

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2022-0702-04>

KEMASUKAN ISLAM DI SARAWAK PADA ZAMAN PEMERINTAHAN BROOKE

The Introduction of Islam in Sarawak During the Brooke Administration

Azren Al Aqib Mohamad Faizal* & Mohd Nazri Ahmad

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia
azrenalaqib@gmail.com.*(Corresponding author)

Abstrak

Artikel ini membahaskan tentang sejarah kemasukan Islam di Sarawak dan juga perkembangannya pada zaman pemerintahan Brooke. Ia juga bermatlamat untuk membincangkan keadaan pendidikan Islam yang dilakukan pada zaman awal kemasukan Islam dan kesannya terhadap pendidikan di Sarawak. Hasil penulisan mendapati bahawa sejak perlantikan James Brooke sebagai Gabenor, beliau telah berjaya meluaskan pengaruh politiknya dengan memecahkan kesatuan yang wujud di antara masyarakat Melayu dan penduduk peribumi. Pada zaman pemerintahan beliau juga berjaya menularkan unsur-unsur Barat ke dalam kehidupan muslimin di Sarawak. Justeru itu, akhbar "Fajar Sarawak" dan Persatuan Melayu Sarawak telah berperanan sebagai "pejuang" untuk mengembalikan mereka kepada syiar Islam. Pada masa yang sama, agama Kristian juga semakin berkembang dan hal ini kerana penyebaran agama Kristian ini didorong dan dibiayai oleh pihak pemerintah. Keadaan ini telah mendorong tokoh-tokoh ulama tempatan untuk mendirikan sekolah-sekolah agama yang lebih mementingkan pengajian Islam yang bertujuan untuk membendung fahaman-fahaman yang bercanggah dengan Islam.

Kata Kunci: Islam, Sarawak, pendidikan, ulama tempatan, sekolah agama Islam

Abstract

This article discusses the history of the entry of Islam in Sarawak and also its development during Brooke's reign. It also aims to discuss the state of Islamic education conducted in the early days of the introduction of Islam and its impact on education in Sarawak. The results of the writing found that since the appointment of James Brooke as Governor, he has succeeded in expanding his political influence by breaking the unity that exists between the Malay community and the indigenous population. During his reign, he also succeeded in transmitting Western elements into the lives of Muslims in Sarawak. Therefore, the newspaper "Fajar Sarawak" and the Sarawak Malay Association have acted as "fighters" to bring them back to Islamic teachings. At the same time, Christianity is also growing and this is because the spread of Christianity is driven and funded by the government. This situation has prompted local scholars to set up religious schools that are more concerned with Islamic studies that aim to curb ideologies that are in conflict with Islam.

Keywords: Islam, Sarawak, education, local scholars, Islamic schools

PENGENALAN

Sarawak merupakan negeri terbesar di antara 13 ke 14 negeri dalam Malaysia. Dengan kawasan yang hampir sama besarnya dengan Semenanjung Malaysia, Sarawak dilokasikan di barat laut Borneo bersempadan dengan negeri Sabah. Di selatan terletaknya Kalimantan dan di utara pula terletaknya Brunei. Bandar Kuching adalah ibu kota dan bandar yang terbesar dalam negeri Sarawak.

Sarawak merupakan negeri yang wujudnya kepelbagai etnik. Di antara etnik yang terbesar yang wujud dalam negeri ini ialah Melayu, Iban, Cina dan Bidayuh. Disebabkan ini juga Sarawak merupakan negeri yang jumlah pengikut agama Islamnya terkecil di Malaysia. Hal ini kerana agama Islam bukan merupakan

agama majoriti penduduk di Sarawak. Sebaliknya, di Bumi Kenyalang ini juga menunjukkan jumlah pengikut agama Kristian yang terbesar di Malaysia. Hal ini kerana kepercayaan etnik dalam negeri Sarawak adalah kepercayaan animisme. Secara ringkasnya, animisme merupakan satu kepercayaan di mana objek, tempat dan makhluk semuanya mempunyai intipati kerohanian. Disebabkan kepercayaan etnik ini adalah hampir dengan agama Kristian, menyebabkan mudahnya para penduduk di Sarawak menerima ajaran agama Kristian. Sejarah kedatangan agama Islam ke dalam negeri Sarawak, masuk dari Tanah Melayu. Kedatangan dan penyebaran agama Islam ini telah memainkan peranan agak penting dari segi islamisasi masyarakat tempatan sehingga berlakulah suatu perubahan besar dalam kehidupan masyarakat Melayu. Agama Islam sudah mengukuhkan kedudukan di Tanah Melayu, Sumatera, utara Pulau Jawa, Brunei dan Utara Borneo pada akhir abad ke-15.

Di Malaysia, negeri Terengganu merupakan negeri Melayu yang pertama menerima Islam dan hal ini menjadi tanggapan umum bahawa agama Islam wujud pertama kalinya di Malaysia pada abad ke-10. Sebagai buktinya, Batu Bersurat Terengganu ditemui di Kuala Berang, Terengganu dan batu bersurat itu bertarikh 1303 M. Disebabkan perihal tersebut, Sultan Muzaffar Shah I (abad ke-12) dari negeri Kedah memeluk Islam lebih awal dan menjadi raja Melayu yang pertama. Meskipun begitu, Sultan Megat Iskandar Shah boleh dikenali juga sebagai Parameswara memeluk Islam dan ianya menjadi peristiwa penting di Tanah Melayu. Di mana disebabkan perihal itu, penduduk-penduduk di tanah Melayu pun mula menerima agama Islam sebagai agama mereka. Dalam konteks kedatangan agama Islam dalam Malaysia, terdapat tiga teori yang telah dinyatakan oleh beberapa orang sarjana. Ianya menunjukkan perbezaan pendapat tentang tarikh dan apa sebab kedatangan Islam ke Malaysia. Ianya juga menjelaskan kawasan manakah yang menerima agama Islam. Tiga teori yang telah dinyatakan oleh para sarjana adalah teori yang pertama, teori kedatangan Islam dari Arab. Teori yang kedua pula ialah teori kedatangan Islam dari China. Teori yang ketiga ialah teori kedatangan Islam dari India.

Kemasukan Islam di dalam Sarawak bermula pada abad ke-15. Ianya terjadi semasa pemerintahan Kesultanan Brunei ditadbir oleh Sultan Muhamad (Awang Khalak Betatar). Wilayah Kalaka, Saribas, Samarahan, Sarawak (Kuching) dan Mukah pada zaman pemerintahan mereka merupakan daerah-daerah kekuasaan Brunei. Semua wilayah yang telah dinyatakan kini terletak di bawah pentadbiran negeri Sarawak.

Islam Di Sarawak

Kedatangan agama Islam ke dalam Sarawak merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah negeri Sarawak dan Kepulauan Melayu secara amnya. Namun begitu, tarikh sebenar bila masuknya agama Islam ke Sarawak masih lagi belum diketahui dengan jelas dan tepat. Meskipun begitu, berikut merupakan turutan kronologi kemasukan dan perkembangan Islam di negeri Sarawak. Sejarah ini bermula dari abad ke-14 sehingga zaman penjajahan British.

Pada abad ke-14, Sarawak dahulunya merupakan sebahagian daripada wilayah Brunei sebelum kedatangan penjajah Eropah di kepulauan Borneo. Justeru, kemasukan Islam secara rasmi ke Brunei mahupun wilayah jajahannya adalah apabila pemerintahnya iaitu Awang Alak Betatar telah memeluk Islam pada tahun 1368 yang kemudiannya diberi nama Sultan Muhamad Shah oleh kerajaan Johor. Pengislaman baginda turut diikuti oleh rakyat jelata. Semasa pemerintahan Awang Alak Betatar, Brunei memiliki 5 buah pusat perdagangan di Sarawak iaitu Kalaka, Saribas, Samarahan, Sadong dan Sarawak (Kuching) yang sering menghantar ufti kepada baginda. (Abd. Ghofur, 2015).

Pada abad ke-15, perkembangan Islam semakin berkembang apabila sultan-sultan Brunei seperti Paduka Seri Sultan Muhammad, saudaranya Sultan Ahmad dan Sultan Ali Bilfalih telah melaksanakan syariat-syariat Islam di jajahan takluknya termasuklah Sarawak. Tulisan pada Batu Tarsilah Brunei adalah bukti penyebaran agama Islam di Brunei dengan menyebut bahawa sultan-sultan Brunei telah melaksanakan syariat Nabi Muhammad (S.A.W). Justeru, hubungan istimewa yang terjalin antara Brunei dan Sarawak ini telah mencetuskan detik awal bermulanya kemasukan Islam secara besar-besaran ke Sarawak pada tahun 1476 melalui pusat-pusat perdagangan di Sarawak (Islam di Brunei, Sarawak dan Sabah, Masnon Hj. Ibrahim (1989)). Pada abad ini juga, peranan yang dimainkan oleh Datu Andi (Raja Jarom) dan Datu Merpati dalam pengislaman penduduk-penduduk di Sarawak tidak kurang pentingnya (Abd. Ghofur, 2015).

Pada abad ke-16, Brunei telah dijadikan sebagai sebuah Kerajaan Melayu Islam yang mantap dan terkenal di alam Melayu iaitu dalam pemerintahan Sultan Bolkiah I tahun 1516 sehingga tahun 1521. Pada tahun 1521, baginda telah mengeluarkan perintah agar Islam disebarluaskan secara aktif ke seluruh wilayah Brunei dan Sarawak yang dikenali sebagai Gerakan Dakwah Islamiah. Antara kawasan yang pernah berada di bawah penguasaan Kesultanan Brunei pada ketika itu ialah wilayah Kalaka, Saribas, Sagong dan Samarahan termasuk Mukah, Oya, Matu dan Baram. Kesan besar usaha dakwah Kerajaan Brunei terhadap wilayah Sarawak pada hari ini ialah kejayaannya mengislamkan suku-suku bumiputera Sarawak khususnya orang Melanau yang

terdapat di Kawasan pesisir Sarawak iaitu di bahagian ketiga, kelima, keenam dan ketujuh (Ahmad Nasir Mohd Yusoff, 2016). Pada abad ini juga ramai saudagar beragama Islam telah datang ke Sarawak melalui pelabuhan-pelabuhan yang telah diwujudkan lalu mengislamkan ramai penduduk Sarawak termasuk melalui perkahwinan campur di antara saudagar Islam dengan penduduk tempatan sehingga abad-abad seterusnya.

Pada abad ke-17, pemerintahan Sultan Pengiran Tengah menjadi Sultan Sarawak Daru Hana pada lewat kurun ke-16 sekitar tahun 1566 hingga awal kurun ke-17 turut menjadi faktor pertapakan Islam di Sarawak menjadi semakin mantap dan kukuh. Baginda adalah Sultan yang pertama dan terakhir memerintah Sarawak. Pada masa tersebut, Santubung adalah ibu negeri pertama Sarawak pada lewat abad ke-16. Maka dengan perlantikan Sultan yang beragama Islam di Sarawak pada masa itu memberi pengaruh yang besar kepada perkembangan Islam selanjutnya di negeri ini. Perkembangan Islam telah bersemarak di beberapa kawasan lain apabila baginda menghantar pemimpin-pemimpin Islam seperti Datu Patinggi Seri Setia, Datu Shahbandar Indera Wangsa, Datu Amar Seri Diraja dan Datu Temenggung Laila Wangsa untuk mentadbir jajahan-jajahannya (Nadwah Ulama Nusantara VIII: Sejarah Perkembangan Islam di Sarawak: 2018).

Pada abad ke-18, Sebahagian Syarif yang dilantik sebagai pentadbir daerah seperti di Lingga (Syarif Jafar), Kalaka (Syarif Maulana), Sadong (Syarif Sahabudin dan Syarif Sahib) dan Sarikei (Syarif Masahor) berperanan menyebar Islam di kawasan masing-masing. Walaupun tidak ada bukti yang mutlak namun bolehlah dipercayai bahawa Syarif-Syarif ini telah berjaya mengislamkan kesemua orang Melayu dan sebilangan penting puak-puak Dayak sebelum abad ke-19.

Pada abad ke-19, agama Islam ini semakin kuat di Sarawak. Meskipun begitu, penyebaran agama dan juga pengaruh agama Islam ini terencat apabila Sarawak dijajah oleh Keluarga Brooke dari tahun 1841 sehingga tahun 1941. Perluasan kuasa oleh keluarga Brooke bermula di Kuching pada tahun 1841, seterusnya di Kuala Samarahan pada tahun 1846, di Sadong, Lingga, Skrang, Saribas dan Simanggang pada tahun 1883, di Lawas pula tahun 1885 dan di Limbang pada tahun 1890 (Wan Kamal & Noranizah Yusuf, 2010). Dalam masa pemerintahan Brooke, jawatan dan gelaran para pembesar Melayu seperti Datu Patinggi, Datu Bandar, Datu Temenggong, Datu Hakim dan Datu Imam diwujudkan semula untuk mengambat hati penduduk yang beragama Islam. Namun begitu, beliau jugalah yang mengawal dan menghadkan gelaran tersebut. Penyebaran agama Islam pada zaman beliau befsifat alami, tiada perubahan dan sangat statik. Pada tahun 1848, seorang mualigh Kristian Anglican bernama Bishop McDougall dengan beraninya mengkristiankan orang-orang Dayak. Gereja pertama dibina di penempatan masyarakat Bidayuh dan usaha membawa penduduk untuk memeluk agama Kristian di kalangan penduduk Melayu ditentang oleh Datu-datu Melayu. Disebabkan perohal tersebut, McDougall membatakan hasratnya dalam aktiviti pemurtadan tersebut meskipun beliau berjaya membawa masuk dua orang Melayu ke dalam agama Kristian (Ghazali Basri, 2010). Selain itu juga, Brooke bukan sekadar menguasai pemerintahan di Sarawak, namun beliau juga campur tangan dalam urusan perundungan dan agama umat Islam. Dari perihal tersebut, beliau telah menujuhan *Native Mohammeden Probate* dan *Divorce Court* dengan tujuan untuk menyelesaikan masalah perkahwinan, penceraian dan kematian untuk umat Islam Sarawak (Suffian Mansor, 2003). Dalam masa 6 tahun di mana tahun yang Brooke digelar sebagai "Rajah" di Sarawak, gerakan pengkristianan melalui sekolah-sekolah mission dan paderi-paderi Kristian terus berjalan dalam kalangan rakyat Sarawak. Usaha ini bukan sahaja ditumpukan terhadap kaum Bumiputera yang lain malahan sudah mula ditujukan kepada orang Melayu yang beragama Islam. Meskipun begitu, akidah orang Melayu dan masyarakat Islam pada masa tersebut masih lagi kukuh.

Pada abad ke-20, gerakan pengkristianan melalui sekolah-sekolah mission dan paderi-paderi Kristian terus berjalan dalam kalangan rakyat bumiputera selain orang Melayu. Usaha ini tergencat sedikit pada zaman pendudukan jepun dan kemudian diteruskan secara lebih intensif oleh pihak colonial british ketika orang melayu sudah kehilangan pengaruh dalam pemerintahan. Pada tahun 1915, Brooke telah memperkenalkan undang-undang bertulis untuk mentadbir orang islam Sarawak yang dinamakan sebagai Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak (UMMS). Ia mengutamakan perkara-perkara seperti pertunangan, perkahwinan, penceraian dan salah laku seksual dalam kalangan orang Melayu. Hasil daripada tekanan-tekanan pada zaman pemerintahan Brooke, maka telah wujud sebuah institusi pengajaran islam formal yang diberi nama Al-Madrasah Al-Mursyidiyah pada tahun 1917 dan sambutan daripada masyarakat islam terhadap madrasah ini sangat menggalakkan dan telah Berjaya melahirkan ramai tokoh dan ulama di Sarawak. Dari tahun 1932 hingga tahun 1956, UMMS telah dipinda untuk meluaskan peranan bagi bergerak kearah penerimaan Islam secara meluas sehingga wujudnya jawatan Mufti pada tahun 1941. Sewaktu pemerintahan British pada tahun 1945 Agma Islam tidak mengalami perkembangan seperti yang diharapkan. Hanya pada tahun 1954, Majlis Islam dan Adat Istiadat Melayu Sarawak dibawah Majlis Islam In-Corporation Ordinance telah ditubuhkan. Namun majlis ini masih juga tidak mendapat peruntukan daripada pihak British selain mempunyai tenaga kerja dan sumber kewangan yang sangat sedikit (Nadwah Ulama Nusantara VIII: Sejarah Perkembangan Islam di

Sarawak: 2018).

Kesimpulannya, perkembangan Islam di Sarawak secara tidak langsung telah bermula semenjak pengislaman pemerintah Brunei iaitu Awang Alak Betatar. Perkembangan Islam di Sarawak semakin bersemarak semenjak berabad-abad lamanya hasil peranan yang dimainkan oleh Sultan-Sultan Brunei, Sharif-Sharif atau pembesar-pembesar Brunei, selain peranan yang dimainkan oleh Datu Andi, Datu Merpati dan saudagar-saudagar Islam dalam mengislamkan ramai penduduk di Sarawak. Akhirnya, perkembangan yang rancak ini telah tergendala apabila kedatangan Brooke dan British yang turut membawa ajaran Kristian ke Sarawak. Walaupun mendapat tekanan, terdapat beberapa institusi yang telah diwujudkan bagi menjaga kepentingan Islam di Sarawak. Ia menjadi asas dalam menyebar dan menyemarakkan lagi Islam di Sarawak selepas Sarawak mencapai kemerdekaan sehingga kini.

Perkembangan Islam Pada Zaman Pemerintahan Brooke

Perkembangan dan penghayatan agama Islam semakin kukuh dan meluas dan ia telah menjadikan Brunei sebagai sebuah kerajaan melayu Islam yang terkenal di alam Melayu. Hal ini bermaksud dalam pemerintahan Sultan Bolkiyah yang mana pemerintahan kerajaan Brunei telah meliputi seluruh pulau Borneo. Sultan Bolkiyah juga yang telah meletakkan asas yang kukuh untuk perkembangan Islam. Menjelang abad ke-19, kekuatan Islam di bawah Kesultanan Brunei yang aktif berkembang terutamanya di Kalimantan telah menjadi lemah dan telah jatuh ke tangan penjajah Barat. Penjajah Barat ini ialah keluarga Brooke dari tahun 1841 hingga tahun 1941.

Apabila Sarawak telah diserahkan kepada James Brooke, apa-apa urusan yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam mula dicampuri oleh beliau secara perlahan-lahan. Meskipun beliau telah dilarang berbuat sedemikian tanpa kebenaran Sultan. Untuk tujuan tersebut, James Brooke telah melantik beberapa orang pembesar Melayu untuk diserapkan ke dalam pentadbiran negeri pada peringkat awalnya. Antaranya ialah Datu Patinggi Ali dan Temenggung Mersal. Jawatan Datu Imam pula dikekalkan bagi menjalani urusan hal ehwal Islam yang berkaitan dengan masyarakat Islam (Suffian Mansor, 2003). Keadaan ini membolehkan James Brooke mengawasi dan memantau setiap perkara yang berlaku yang berkaitan dengan agama Islam di negeri Sarawak secara tidak langsung (Wan Kamal & Noranizah, 2010).

Pada tahun 1870, Native Momammedan Probate and Divorce Court telah ditubuhkan oleh James Brooke. Ini bertujuan untuk menguruskan hal ehwal perkahwinan, perceraian dan kematian di kalangan masyarakat Islam Sarawak. Jawatan Datu Hakim telah diwujudkan bagi mengendalikan undang-undang yang berkaitan dengan kes-kes kekeluargaan Islam seperti perkahwinan, perceraian, pembahagian atau pewarisan harta dan sebagainya di samping itu (Suffian Mansor, 2003). Telah digubal oleh James Brooke, satu undang-undang ringkas hukuman bagi kesalahan-kesalahan tertentu diantaranya seperti membunuh dan mengganggu ketenteraman awam. Undang-undang ini juga termasuk undang-undang perdagangan bebas, cukai, timbangan dan sukanan (Wan Kamal & Noranizah, 2010).

Apabila keadaan pemerintahan James Brooke mulai stabil, beliau telah menggubal undang-undang yang bertulis. Undang-undang ini dinamakan "Perintah". Ini dikatakan mengambil kira perbezaan kaum dan agama di Sarawak bagi mengawal hubungan antara pelbagai masyarakat serta komuniti tersebut. Ini berlaku sekitar tahun 1860-an. "Perintah" ini khusus bagi orang Islam menunjukkan bahawa pertimbangan diberikan kepada adat dan istiadat tempatan. Ini juga menunjukkan bahawa "Perintah" ini tidak mengamalkan perundangan Islam yang menyifatkan James Brooke sebagai klasik dan ketat (Zaini, 2003).

James Brooke telah membuat satu polisi menjadikan Kuching sebagai pusat pentadbiran kerajaan telah menyebabkan ramai penduduk Melayu yang beragama Islam berpindah ke Kuching. Disebabkan perihal itu, masyarakat Islam di situ mulai merasakan perlunya sebuah masjid yang besar dan luas di kalangan mereka. Usaha yang dilakukan oleh Datu Bandar Haji Muhammad Lana yang telah bersungguh-sungguh mengumpul dana serta biaya bagi menampung kos perbelanjaan membina masjid tersebut adalah di antaranya. Masjid tersebut adalah sebuah masjid besar yang kini dinamakan sebagai Masjid Bahagian Kuching di Jalan Datuk Ajibah Bol, Kuching (Suffian Mansor, 2003).

Setelah kematian James Brooke, Sarawak diperintah oleh Charles Brooke. Beliau juga dilarang untuk masuk campur dalam perkara yang berkaitan dengan agama Islam pada zaman pemerintahannya. Disebabkan perihal yang sedemikian, umat Islam Sarawak dapat mengerjakan ibadah dan tuntutan agama Islam. Selain itu, Charles Brooke telah menggubal satu undang-undang bagi mengawasi harta benda masyarakat Muslim. Undang-undang itu bernama Ordinan Wasiat Islam pada tahun 1896. Undang-undang ini bertujuan untuk mengawal segala urusan wasiat yang dibuat oleh orang Islam. Ordinan menyatakan bahawa wasiat yang dibuat mesti menggunakan borang yang telah disediakan dan disaksikan oleh tiga orang saksi. Dua daripada mereka

adalah ketua anak negeri yang beragama Islam dan seorang dari pegawai kerajaan. Meskipun begitu, mereka juga boleh membuat wasiat di hadapan saksi-saksi lain menurut undang-undang warisan Islam dan boleh diiktiraf sah. Namun demikian, diperuntukkan juga dalam undang-undang tersebut bahawa wasiat boleh dibuat berdasarkan kemahanan dan kehendak pewasiat dan tidak semestinya dibuat berdasarkan undang-undang warisan Islam (Mohd Zamro & Zuliza, 2003).

Untuk memantapkan lagi agama Islam di Sarawak, telah ditubuhkan oleh masyarakat muslim sebuah persatuan yang bernama Darul Ihsan pada tahun 1914. Setahun kemudian pula muncul pula Persatuan Darul Ikhwan. Kedua-dua pertubuhan tersebut mempunyai ciri-ciri pengaruh dari Timur Tengah (Ismail Ab Rahman ed., 1992). Walau bagaimanapun, aktiviti yang dijalankan oleh kedua-dua persatuan ini tidak diketahui umum. Bagi memudahkan pemerhatian dari pihak pemerintah akan kegiatan dan aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Islam Sarawak, telah ditubuhkan sebuah institusi yang dikenali sebagai Balai Datu. Balai Datu ini dijadikan sebagai pusat pertemuan Datu-datu Melayu dan markaz untuk membincangkan tentang hal ehwal orang Islam. Ianya juga berfungsi sebagai mahkamah untuk mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam. Oleh yang demikian, mulai tahun 1915, telah dibentuk satu undang-undang bertulis bertujuan untuk menyelesaikan perihal tentang perwarisan harta, perceraian, perkahwinan, pertelingkahan kecil dan penderaan (Suffian Mansor, 2003).

Sebelum undang-undang ini terbentuk, terdapat beberapa peraturan yang berkaitan dengan masyarakat Islam yang telah diluluskan dalam Supreme Council pada tahun 1878, 1893, 1896, 1898 dan 1910 (Habid's Buhigiba, 1995). Supreme Council ini ditubuhkan oleh Brooke yang terdiri daripada sekumpulan kecil pegawai-pegawai penting di Sarawak. Supreme Council ini bertujuan untuk membantu Brooke memerintah negeri Sarawak. Undang-undang tersebut mengandungi 67 seksyen yang diberi nama sebagai Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak (UUMS). Undang-undang ini memberi peruntukan tentang pertunungan, perkahwinan, perceraian, perselisihan faham suami isteri, nafkah anak, hak jagaan anak, dan salah laku seksual. Dari segi bentuk, undang-undang ini adalah satu senarai penalti atau denda yang dikenakan dalam bentuk matawang bagi setiap kesalahan yang dilakukan (Zaini, 2003). Kewujudan UUMS ini merupakan satu bentuk penyelarasian undang-undang adat yang digunakan oleh masyarakat Melayu Islam kerana masyarakat Islam yang berselerak di sepanjang pantai Sarawak. Pada masa itu juga, adat memainkan peranan yang penting dalam masyarakat sebelum wujudnya sistem perundangan yang berbentuk lebih formal (Putit Matzen, 2003).

Pada zaman pemerintahan Charles Vyner Brooke, telah diwujudkan jawatan mufti di Sarawak dan mufti pertama yang dilantik ialah Haji Nawawi bin Haji Merais. Beliau menjadi mufti Sarawak dari tahun 1941 sehingga tahun 1954. Meskipun begitu, mufti yang dilantik ini tidak mempunyai ahli jawatankuasa untuk membantunya mengendalikan urusan-urusan yang berkaitan dengan masyarakat Islam. Secara hakikinya, kewujudan jawatan ini hanyalah sebagai salah satu cara untuk mengawal kuasa orang Melayu seolah-olah bahawa pihak pemerintah mengambil berat tentang kedudukan orang Melayu (Sanib Said, 1985).

Sepanjang pemerintahan Brooke, cara hidup dan pergaulan segelintir masyarakat Melayu Islam mula diresapi oleh unsur-unsur Barat. Hal ini membimbangkan sebahagian masyarakat Islam yang lain. Selain itu juga, perubahan dalam cara berpakaian di kalangan masyarakat Islam Sarawak turut berlaku. Disebabkan perihal ini, sebilangan orang Melayu mulai sedar tentang betapa pentingnya menghayati ajaran Islam menyebabkan mereka menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap pihak penjajah dan budaya Barat yang tersebar di kalangan masyarakat Islam. Dihangatkan lagi dengan isu kedudukan orang Melayu yang sering kali dikaitkan dengan masalah kemunduran, terutamanya dalam bidang pendidikan dan ekonomi. Perihal ini mendorong para pemikir Melayu untuk menyuarakan pendapat mereka sekaligus menyedarkan mereka akan betapa pentingnya kemajuan dalam kehidupan. Oleh yang demikian, mereka telah menerbitkan satu akhbar yang bernama Fajar Sarawak. Akhbar ini pertama kalinya diterbitkan dalam Bahasa Melayu pada 1 Februari 1930 oleh Sarawak Printing Company (Habid's Buhigiba, 1995). Akhbar ini wujud dengan tujuan bukan sahaja untuk menyampaikan berita tetapi juga untuk menyebarkan pengetahuan Islam.

Fajar Sarawak ini dilancarkan dengan tujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Islam di Sarawak supaya memberi perhatian terhadap kedudukan politik dan ekonomi mereka. Selain itu juga, ianya bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan orang Melayu itu sendiri. Para penulis dalam akhbar itu berpendapat bahawa perkara asas yang perlu dilaksanakan ialah berpegang teguh kepada ajaran Islam. Hal ini kerana dengan cara ini barulah orang-orang Melayu dapat mengubah sikap mereka untuk mencapai kemajuan (Md Amin, 2003). Selain itu, akhbar ini juga menjadi saluran dalam membicarakan hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam.

Selain itu, Fajar Sarawak juga menyiaran berita-berita semasa yang berlaku di negara-negara Islam dan Timur Tengah yang lain seperti di Iran, Turki, Afghanistan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, peristiwa-

peristiwa semasa dari Tanah Melayu, Singapura, jajahan Hindia Timur Belanda, termasuk juga Brunei atau Borneo Utara dilihatkan agak kurang dipaparkan, walaupun kedudukan geografinya tidak jauh dari Sarawak (Lee Thomas, 1984). Didapati bahawa Fajar Sarawak lebih mengutamakan berita-berita tentang keadaan semasa yang berlaku di negara-negara Islam yang terkenal seperti Mesir dan Turki. Inilah yang banyak mempengaruhi pemikiran tokoh-tokoh nasionalisme di Tanah Melayu. Disebabkan perihal ini, hasil daripada pemikiran dan idea yang dimuatkan dalam akhbar ini, khususnya dari sudut pendidikan, penubuhan beberapa buah sekolah telah dicetuskan seperti Sekolah Merpati Jepang, Sekolah Encik Buyong dan Sekolah Permaisuri sekitar tahun 1930 hingga 1931 (Sabihah, 1990).

Titik pangkal daripada idea-idea dalam Fajar Sarawak ini jugalah orang Islam, khususnya masyarakat Melayu, mula menunjukkan perubahan yang positif terhadap penubuhan Persatuan Melayu Sarawak (PMS) pada tahun 1939. Asas serta objektif penubuhan PMS ini adalah untuk memenuhi keperluan sosial, kebudayaan, ekonomi, pendidikan dan kerohanian (agama) serta memberi sumbangan kepada pembangunan masyarakat Melayu dan masyarakat yang beragama Islam dan keseluruhan masyarakat Melayu Islam di Sarawak. Meskipun perjuangan PMS lebih tertumpu kepada peningkatan taraf hidup masyarakat Melayu, namun begitu, objektif penubuhan ini juga bertujuan untuk memenuhi keperluan agama Islam serta memberi sumbangan untuk pembangunan masyarakat Melayu Islam di Sarawak (Suffian Mansor, 2003). Pembangunan sekolah agama di Masjid India adalah di antara usaha yang telah dilakukan oleh PMS. Ahli-ahli PMS juga telah cuba untuk mendapatkan sokongan orang Melayu agar sekolah tersebut dapat dibangunkan. Dengan ini dapat memberi peluang kepada anak-anak Melayu untuk mendapatkan pendidikan agama Islam (Wan Kamal & Noranizah, 2010).

Walau sedemikian, dapat dilihat bahawa meskipun pemerintah-pemerintah Brooke mula menunjukkan sikap yang terbuka terhadapa agama Islam di Sarawak, namun dalam masa yang sama mereka telah mencampuri hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam di Sarawak secara tidak langsung dan secara perlahan-lahan. Usaha mereka untuk mengawal masyarakat Islam di Sarawak adalah dengan pembentukan dan penguatkuasaan pelbagai undang-undang serta melalui penubuhan badan-badan tertentu. Dengan kehadiran penjajah British ini juga telah membawa budaya-budaya Barat yang negatif secara lambat launnya, juga mempengaruhi masyarakat muda Islam.

Di samping itu, turut dilaksanakan satu dasar baru dalam hubungan etnik di Sarawak, di mana James Brooke telah cuba memisahkan hubungan di antara kaum Melayu, terutamanya golongan Sharif dengan penduduk pribumi. Hal ini kerana beliau beranggapan bahawa hubungan tersebut akan memberi ancaman kepada kedudukannya di Sarawak (Hashim Fauzi, 1983). Penyisihan golongan Sharif ini sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap dakwah Islam di negeri Sarawak. Hal ini menyebabkan longgarnya komitmen masyarakat Islam Sarawak terhadap ajaran Islam, lebih-lebih lagi dengan situasi mereka yang baru sahaja mengalami zaman peralihan daripada kepercayaan animism (Md Amin, 2003), iaitu kepercayaan kepada makhluk halus dan roh dipercayai merupakan asas kepercayaan agama yang mula-mula muncul dalam kalangan manusia primitif purba kala kepada kepercayaan agama Islam (Wan Kamal & Noranizah, 2010).

Pada abad ke-14, kemasukan Islam secara rasmi dalam Sarawak, diperintah oleh Awang Khalak Betatar

Pada abad ke-15, Islam semakin berkembang apabila sultan-sultan Brunei melaksanakan syariat Islam di Sarawak

Pada abad ke-16, Sultan Bolkiyah I mengeluarkan perintah agar Islam disebarluaskan secara aktif ke seluruh wilayah Brunei dan Sarawak yang dikenali sebagai Gerakan Dakwah Islamiah

Pada abad ke-17 dan ke-18, perlantikan sultan yang beragama Islam memberi pengaruh dalam perkembangan Islam dan wujudnya Syarif yang dilantik sebagai pentadbir daerah di Sarawak.

Pada abad ke-19, Islam semakin kuat di Sarawak tetapi dikekang penyebaran Islam oleh James Brooke. Wujudnya penyebaran agama Kristian pada zaman pemerintahan beliau

Pada abad ke-20, gerakan pengkristianan terus berjalan tetapi tergencat sedikit pada zaman pendudukan Jepun. Brooke memperkenalkan undang-undang bertulis bernama Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak (UMMS). Terdirinya madrasah-madrasah untuk mengekang fahaman-fahaman barat

KESIMPULAN

Setiap negeri di dalam negara kita mempunyai sejarah kemasukan Islam mereka yang tersendiri dan artikel ini membahaskan tentang sejarah kemasukan Islam di Sarawak. Pada zaman pemerintahan Brooke, agama Islam agak sukar disebarluaskan dan diluaskan dalam negeri Sarawak. Hal ini kerana James Brooke lebih mementingkan penyebaran agama Kristian lebih-lebih lagi ketika James Brooke dilantik menjadi Gabenor di Sarawak. Hal ini boleh dibuktikan bahawa pada zaman pemerintahan James Brooke, beliau banyak memberi biaya dan juga dorongan kepada ulama-ulama Kristian agar agama Kristian lebih tersebar luas. Disebabkan kurangnya sokongan dan juga dorongan pada zaman pemerintahan beliau, menerangkan secara am kenapa penganut agama Kristian lebih banyak berbanding dengan agama Islam pada zaman kini. Hal ini kerana agama Kristian tidaklah jauh beza dengan adat dan juga kepercayaan penduduk di Sarawak dan dengan ini juga lebih mudah untuk penduduk di Sarawak menerima agama Kristian sebagai agama anutan mereka. Disebabkan ini juga, tokoh-tokoh ulama tempatan mendirikan sekolah-sekolah agama sebagai tujuan untuk mementingkan dan juga menitikberatkan pengajian Islam untuk membataskan kefahaman yang bertentangan dengan Islam.

Rujukan

- Abd. Ghofur. 2015. Islam dan Politik di Brunei Darussalam (suatu tinjauan sosio-historis). *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Bergama*, 7(1): 53-69.
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff. 2016. Islam di Sarawak: Sejarah Awal dan Faktor-Faktor Perkembangan Islam Di Sarawak. Semantic Scholar [[Islam di Sarawak : sejarah awal dan faktor-faktor perkembangan Islam di Sarawak | Semantic Scholar](#)]
- Coolin, N. Criswell. 1978. *Rajah Charles Brooke: Monarch of All He Surveyed*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Cooper, A.M. 1968. *Men of Sarawak*. London: Oxford University Press.
- Ghazali Basri. 1994. *Kristianisasi sebagai sebuah Gerakan: Satu Tinjauan Sosiologi*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Habid's Buhigiba Md Bustamam. 1995. Perkembangan Islam di Sarawak, 1941-1991. Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Fauzi Yaacob. 1983. Kedudukan Melayu Sarawak Zaman Crown Colony, 1946-1963. Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Ab Rahman [ed]. 1992. *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

- Juanda Jaya. 2003. Dakwah Islamiah di Sarawak: Kajian terhadap Pengurusan Dakwah secara Berorganisasi. Tesis Dr. Falsafah Tidak Diterbitkan. Bangi: [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Lee Thomas, Philip. 1984. *Fajar Sarawak*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Masnon Hj. Ibrahim, 1989. *Islam Di Brunei, Sarawak dan Sabah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Asiana
- Md Amin Abdul Rahman. 2003. "Sejarah dan Perkembangan Islam di Sarawak Sebelum Merdeka", dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Mohd Zamro Muda & Zuliza Mohd Kusrin. 2003. "Kemasukan dan Pemakaian Undang-Undang Inggeris di Sabah dan Sarawak: Kesannya terhadap Undang-Undang Islam dan Adat" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Muda @ Ismail Abd Rahman & Farah Salwani Ismail. 2003. "Peranan Ulama Sarawak dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Sarawak" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Nadwah Ulama Nusantara VIII. 2018. "Sejarah Perkembangan Islam di Sarawak".
- Nothcoff, Michael S. 1992. "Two Hundred Years of Anglican Mission" dalam Robert Hunt [ed]. *Christianity in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Putit Matzen. 2003. "Perkembangan Islam di Sarawak dan Majlis Islam Sarawak" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Sabihah Osman, Rejim Brooke: Kesan Pelajaran Kepada Masyarakat Bumiputera.
- Sabihah Osman. 1990. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanib Said. 1985. *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*. Singapore: Oxford University Press.
- Suffian Mansor. 2003. "Cabaran Perkembangan Islam di Sarawak Zaman Pemerintahan Keluarga Brooke: Satu Kajian Umum" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Taylor, Brian. 1983. *The Anglican Church in Borneo, 1848-1962*. Sussex: New horizon & Treasaurus Ltd.
- Wan Kamal Mujani & Noranizah Yusuf, Islam dan Missionari di Sarawak (2010), Kesan terhadap Pendidikan pada Zaman Crown Colony, 1841-1941. Sosio Humanika Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan. 3(2): 219-242.
- Wikipedia, Francis McDougall
- Zaini Nasohah. 2003. "Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang untuk Orang Islam di Negeri Sarawak, 1893-2003" dalam Farid Mad Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad [eds]. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo: Ulama Penggerak Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.